BUMI MANUSIA: SEBUAH TETRALOGI ERA KOLONIAL

Tanggapan Penciptaan Novel Era Kolonial

Pengalaman hidup di kota kecil Blora pada tahun-tahun 1925 hingga 1942 memberi ruang kepada Pramoedya untuk mengenali secara lebih dekat tentang masyarakat bawahan, kelompok melingkungi proses pembesarannya. Selain dari persoalan ekonomi, politik dan sosial, faktor kebudayaan juga merupakan elemen yang sangat penting dalam proses untuk Pramoedya mengenali pandangan dunia suatu kelompok masyarakat. Beliau lahir di tengah-tengah masyarakat Blora yang memegang kukuh budaya Jawa (dari bapanya) dan ajaran-ajaran Islam daripada ibunya yang berketurunan ulama dari Rembang. Pertembungan unsur-unsur ini memberi 'keuntungan' yang besar kepada Pramoedya untuk mencari kesimpulan tersendiri tentang masyarakat. Faktor budaya dan ekonomi yang melingkungi masyarakat Blora misalnya, menjadi dua elemen yang sangat dominan dalam pembentukan karakter dan pemikiran Pramoedya dalam melihat masyarakat.

Dalam erti kata lain, Blora yang pelbagai ragam dalam semua aspek ini menjadikan Pramoedya lebih terbuka untuk memahami tentang masyarakat. Dalam aspek budaya misalnya, budaya Jawa tradisional yang menekankan sikap hormat menghormati

berdasarkan hiraki sosial diwarisi dari bapanya, M. Toer (Hamsad Rangkuti, 1963: hal. 57-58). Karektor-karektor yang dibentuk oleh faktor-faktor kekeluargaan, adat, geografis, ekonomi dan sosial membentuk pemikiran Pramoedya untuk menghargai nilai-nilai kemasyarakatan dan kemanusiaan dalam semua segi sehingga beliau berusaha untuk kembali kepada dinamika dalam kehidupan manusia yang damai dan makmur (Nur'Ainy Ali, 1999: 1-5).

Pramoedya juga ingin merumuskan jati diri masing-masing manusia dalam konteks masyarakat dalam setiap karyanya. Dikotomi antara pengarang sebagai wakil masyarakat dan penegak jati diri, justeru menjadi ciri yang sukar digugat dalam karya-karyanya (Budi Darma, 1993: 8). Malah sesebuah karya sastera pada pandangan Pramoedya bukan sekadar hasil kreatif seseorang pengarang tetapi merangkumi keseluruhan aspirasi dan suara sesebuah masyarakat. Sesebuah karya tidak mungkin lahir begitu sahaja tanpa ada sebab dan akibat serta faktor tertentu. Pengarang adalah intelektual kelompok yang menyuarakan keseluruhan aspirasi kelompoknya (Budi Darma, 8-9).

Pramoedya sendiri percaya sastera mempunyai fungsi, peranan dan tujuan tersendiri, khususnya untuk bercerita tentang masyarakat pendukungnya. Seseorang pengarang dan karyanya tidak akan lahir tanpa kesedaran dari satu kelompok sosial, kesan dari pertentangan ekonomi, gejolak politik dan sebagainya (Pramoedya Ananta Toer, 1964: 28-31). Sementara itu, menurut Eagleton, seseorang pengarang tidak sekadar memindahkan struktur masyarakatnya tetapi juga merupakan 'pekerja' yang dibayar oleh penerbit dan khalayaknya untuk menghasilkan sesuatu karya untuk masyarakat (Terry Eagleton, 1976: 48-49).

Sementara itu, Goldmann pula berpendapat, pengarang menerusi karya-karya mereka mengutarakan satu kesedaran individu mahupun masyarakatnya. Namun, kedudukan sesebuah karya cenderung kepada kesedaran kolektif kelompok, di mana pengarang adalah pengantara untuk menyuarakan kesedaran kolektif kelompok sehingga aspirasi dan pandangan dunia kelompok dapat diangkat ke permukaan dalam rangka memperjuangkan kepentingan mereka.

Dalam konteks Pramoedya, kesedaran tentang fungsi sastera terhadap masyarakat telah menyebabkan beliau menolak konsep sastera untuk sastera yang menjadi identiti penulis Angkatan 45 dan pujangga baru. Ini kerana beliau beranggapan bahawa pengarang dan masyarakat pendukungnya mempunyai keterikatan dua hala yang saling memerlukan. Dalam erti kata lain, sesebuah karya sastera, terutamanya novel cenderung merupakan kegelisahan, tekanan psikologi dan tanggapannya terhadap masyarakat persekitarannya;

Sastera dan kesusasteraan merupakan dunia yang penuh kejujuran dan tanggungjawab. Seseorang penulis akan menulis apa yang ada di sekitarnya hasil dari pengamatan, respons atau tekanan. Karya itu sendiri merupakan rangkuman kesedaran. Mereka sama sekali tidak akan berbohong kerana setiap karya adalah bahasa jiwanya (Pramoedya Ananta Toer, 1994: 120).

Di samping itu, Pramoedya juga melihat sesebuah karya sastera merupakan 'penentangan' terhadap sesuatu keadaan. Sesebuah karya sastera itu sendiri merupakan himpunan pendapat sesebuah kelompok dalam memperjuangkan hak-hak mereka hingga wujud pertentangan dengan kelompok lain. Sebagai contoh, ketika Pramoedya berada di tengah-tengah masyarakat Jawa pada era penjajahan Belanda, beliau melihat tidak adanya keadilan dalam bidang pendidikan, ekonomi, politik, perundangan dan lain-lain. Masyarakat peribumi diletakkan di tangga ketiga dalam hiraki masyarakat Hindia Belanda (Indonesia) selepas orang-orang kulit putih (Belanda) dan pendatang Cina (Heather Sutherland, 1984: 78-79). Dari aspek ekonomi dan politik pula, hanya segelintir masyarakat peribumi yang hanya layak menduduki jawatan-jawatan rendah dalam kerajaan sebagai ambtanaar, satu istilah pegawai-pegawai rendah kerajaan semasa pemerintahan Belanda. Mereka umumnya hanya membantu tugas-tugas kepada pegawai-pegawai tinggi Belanda dan residen Belanda.

Begitu juga dalam aspek pendidikan, masyarakat peribumi hanya layak menduduki pendidikan tradisional di sekolah-sekolah yang dikelolakan oleh pertubuhan kebudayaan Budi Utomo, Sarekat Islam dan Taman Siswa yang jauh ketinggalan mutunya berbanding dengan sekolah-sekolah Belanda. Terdapat juga sekolah peribumi kerajaan yang disediakan oleh Belanda dengan korikulum yang berorientasikan kebudayaan iaitu Hollandsch Indisch School (HIS). Sementara itu, sekolah-sekolah perubatan dan sekolah tinggi Belanda adalah terlalu sulit untuk 'ditembusi' oleh penuntut-penuntut peribumi, kecuali anak-anak golongan pembesar peribumi (priyayi).

Berdasarkan pengamatan ini, Pramoedya telah menyuarakan satu pandangan dunia masyarakat Indonesia tentang keadilan, kesejahteraan dan hak seperti yang diungkapkan dalam tetralogi Bumi Manusia. Beliau menerusi novel Jejak Langkah, Anak Semua Bangsa dan Bumi Manusia menganjurkan satu pandangan tentang masyarakat Indonesia untuk kembali kepada umbi sosiobudaya mereka dengan menolak kolonialisme. Ini kerana Pramoedya melihat bahawa kolonialisme hanya akan membentuk kelas-kelas dalam masyarakat yang akan sentiasa berkonflik (I.B Dharma

Palaguna, 78). Dalam hal ini, tetralogi *Bumi Manusia* merupakan bagaimana Pramoedya menganalisis pertembungan antara masyarakat peribumi bawahan di Indonesia dengan pemerintah kolonial Belanda yang mempunyai kepentingan yang berbeza. Dari aspek masyarakat bawahan, 'perjuangan' mereka dalam menegakkan keadilan didasarkan kepada kepentingan dan kesedaran kolektif kelompok menuntut hak mereka dalam bidang pendidikan dan politik. Sebaliknya, kolonial Belanda berusaha menerapkan kebijaksanaan-kebijaksanaan tertentu bagi mengukuhkan kedudukan dan kuasa kolonialisme mereka.

Tetralogi Bumi Manusia atau lebih dikenali sebagai kumpulan karya-karya Pulau Buru ditulis ketika Pramoedya berada dalam tahanan politik di penjara dan pusat di Nusa Kambangan dari dari tahun 1965-1979 dan diterbitkan oleh Hasta Mistra pada 1980. Beliau dituduh terlibat secara langsung dalam pemberontakan Parti Komunis Indonesia (PKI) pada September 1965 yang dipimpin oleh beberapa tokoh terkenalnya seperti D.N Aidit dan Kolonel Untung dari pasukan pengawal presiden, Cakrabirawa. Dalam konteks ini, Pramoedya dan beberapa sasterawan yang bergabung di bawah Lembaga Kebudayaan Rakyat (Lekra) dilihat sebagai agen propaganda PKI untuk merealisasi sebuah negara komunis Soviet Indonesia sehingga dituduh terlibat secara langsung dalam gerakan komunisme di Indonesia. Tokoh-tokoh penulis lain seperti Joebar Ayoeb, Sito Situmoran, Rustam Afendi dan beberapa lagi yang bernaung di bawah Lekra dituduh oleh pemerintah Indonesia telah menggunakan landasan sastera dan kebudayaan bagi mengembangluaskan ideologi tersebut.

Tetralogi yang terdiri dari Bumi Manusia, Jejak Langkah dan Anak Semua Bangsa, menyorot pemahaman dan wawasan kepentingan kelompok yang lebih luas dan

pelbagai, berbanding dengan karya-karya sebelumnya. Ini kerana Pramoedya tidak hanya menekankan kepada aspek politik mahupun ekonomi semata-mata tetapi juga hal-hal yang bersangkutan dengan pendidikan, nilai intelektual dan juga kenegaraan. Malah, karya ini dilahirkan dari pemahaman sosio-historis yang mendalam, berbeza dengan karya-karya sebelumnya yang lahir dari pengalaman langsung beliau sebagai saksi zaman. Ia didasarkan kepada bukti-bukti sejarah Indonesia pada tahun-tahun 1800-an dan awal abad ke-20 ketika muncul benih-benih nasionalisme yang mengarah kepada kepentingan pendidikan dan hak-hak sosial yang lebih luas kepada penduduk peribumi.

Dalam erti kata lain, Pramoedya kembali kepada sejarah bangsanya untuk melihat kesinambungan yang berlaku pada era tersebut dengan era Indonesia moden. Karya-karya yang terkandung di dalam tetralogi ini juga mengangkat tema zaman awal pemerintahan Belanda di Indonesia berserta kebijaksanaan-kebijaksanaan sosial, politik dan ekonomi yang berhubung dengan masyarakat peribumi, khususnya diskriminasi yang berdasarkan keturunan dan penguasaan ekonomi. Belanda ketika pemerintahannya, sedaya upaya berusaha untuk meminimunkan pendidikan dan pembinaan sistem pendidikan formal kepada masyarakat peribumi demi kepentingan politik kolonialismenya. Secara umumnya, pada era kolonialisme Belanda (Hindia Belanda) masyarakat Indonesia telah diklasifikasikan kepada tiga kelompok utama iaitu keturunan Belanda dan orang-orang Belanda sendiri, keturunan Cina dan Arab serta masyarakat peribumi sebagai kelas ketiga. Pada awal 1900, muncul pelbagai usaha dan gerakan pemimpin peribumi yang berpendidikan Barat membina pendidikan moden menerusi organisasi-organisasi budaya dan pendidikan seperti Budi Utomo dan Taman Siswa. Organisasi pendidikan dan kebudayaan bertujuan untuk memberi pendidikan moden kepada masyarakat peribumi serta memantapkan beberapa aspek kebudayaan Jawa. Namun, begitu mutu pendidikan sekolah-sekolah peribumi ini jauh ketinggalan berbanding dengan sekolah-sekolah yang dibangunkan oleh Belanda dari aspek material pendidikan dan sebagainya (Ki Hadjar Dewantara, 1957: 76-81). Kurikulum utama yang ditekankan di sekolah-sekolah peribumi ini ialah pendidikan yang berasaskan moral dan pendidikan kebudayaan Jawa tradisional.

Muncul beberapa sorotan dan argumentasi dari tokoh-tokoh nasionalis Indonesia seperti Raden Adjeng Kartini, Ki Hadjar Dewantara dan Haji Omar Said Cokroaminoto yang menggesa Belanda membuka ruang yang lebih besar kepada masyarakat peribumi untuk mendapat pendidikan Barat. Beberapa gesaan telah dibuat kepada pemerintah Belanda di Jakarta agar penduduk peribumi harus diberi peluang yang lebih luas dalam bidang pendidikan, khususnya pendidikan moden dalam bidang perubatan dan kejuruteraan. Selain itu, Belanda juga digesa untuk membina sekolah-sekolah moden yang lebih banyak kepada penduduk peribumi dan memberi peluang pendidikan kepada wanita-wanita Jawa (Robert van Neil, 1984: 27-28)

Dalam konteks pandangan Pramoedya, hal-hal ini telah mendapat perhatian yang serius. Berdasarkan bukti-bukti sejarah, Belanda melaksanakan kebijaksanaan membatasi pendidikan moden kepada masyarakat peribumi kerana tidak mahu munculnya kesedaran politik, ekonomi dan sosial yang boleh menggugat kedudukannya di Indonesia. Ketigatiga novel ini menjadi dasar kepada argumentasi Pramoedya bahawa kepincangan dalam pelbagai aspek yang dihadapi oleh Indonesia sejak bermulanya penguasaan Belanda dan Barat ke atas Indonesia (sejak tertubuhnya Syarikat Dagang Hindia Belanda-VOC pada 1641) hingga pemerintahan Orde Baru (di bawah Soeharto) adalah bertitik tolak dari

kolonialisme. Hal yang sama juga terlihat pada masa Orde Lama mahupun Orde Baru, kepincangan masyarakat adalah akibat dari sikap tidak prihatin pemerintah menangani kepentingan masyarakat.

Menerusi penggarapan kukuh terhadap fakta-fakta sejarah Indonesia, Pramoedya melihat kekuasaan Belanda telah meruntuhkan struktur sosial, mewujudkan nilai-nilai elitisme dalam masyarakat, kepincangan budaya dan kegagalan nilai-nilai kemanusiaan untuk berfungsi dengan sewajarnya (Jakob Sumardjo, 1983: 112-113). Belanda pada masa kekuasaannya telah melaksanakan ketetapan dan peraturan tertentu yang terkandung di dalam naskah undang-undang Hindia Belanda (Almanaak) yang membelenggu kebebasan dan hak-hak masyarakat peribumi. Secara tidak langsung, menerusi kebijaksanaan kolonialnya, Belanda telah mengizinkan pelbagai sarana dan pasaran sosial tetapi dalam kadar yang terbatas sehingga politik 'pecah dan perintah' dapat dilaksanakan. Sekaligus, ia dapat membendung kemunculan gerakan-gerakan politik dan pemberontakan dalam wilayah-wilayah tertentu di Indonesia (Robert Van Neil, 31).

Kepincangan-kepincangan inilah yang sangat dirasakan oleh Pramoedya ketika berada dalam tahanan Pulau Buru dan Nusa Kambangan hampir 20 tahun. Ketika pemerintahan Belanda, kesejahteraan dan kemakmuran begitu sulit untuk dikecapi oleh masyarakat bawahan di Indonesia. Begitu juga setelah Indonesia meraih kemerdekaan. Kesejahteraan penduduk, khususnya golongan ini tetap diketepikan. Beliau melihat dirinya sebagai contoh, hak-haknya sebagai warganegara Indonesia merdeka telah dinafikan tanpa proses pengadilan yang sewajarnya. Pramoedya dipenjarakan, hanya kerana tuduhan terlibat dalam propaganda pembentukan sebuah negara komunis Soviet

1900) dan pengenalan Politik Etis (1901-1941) serta pelbagai pemberontakan daerah seperti Samin Surontiko dan lain-lain, beliau membina satu dasar pemikiran tentang kemasyarakatan dan kepentingan kelompok.

Berdasarkan fakta-fakta sejarah ini, Pramoedya berjaya menginterpretasi kembali sejarah Indonesia dari perspektif yang lebih kompleks iaitu satu pandangan dunia kelompok sosial dan pengalaman 'struktur mental trans-individu' masyarakat bawahan Indonesia ketika penjajahan Belanda. Malah tetralogi ini juga merupakan satu dekonstruksi kesedaran kolektif masyarakat dari golongan ini dalam sejarah perjalanan bangsa Indonesia moden. Dalam hal ini, gambaran konflik yang dilontarkan terhadap pemerintah kolonial tidak lagi bersifat gambaran-gambaran tentang perang tetapi pertentangan moral dua kelompok iaitu masyarakat peribumi yang ditindas dan penguasa Belanda yang menindas. Ini kerana perubahan-perubahan dalam masyarakat Indonesia dari golongan ini merupakan ekspresi antagonisme kelas dan ia akan mempengaruhi kesedaran kelas memperjuangkan satu keadaan yang lebih baik dan tingkat kesejahteraan yang lebih luas (Lucien Goldmann, 1969, 41-44).

Di Samping itu, beliau juga menafsirkan kembali nasionalisme dan struktur sosial yang ada di sebalik fakta-fakta sejarah Indonesia zaman Hindia Belanda. Namun, dalam konteks ini Pramoedya sama sekali tidak memberi makna lain kepada sejarah Indonesia tetapi sekadar menginterpretasi ke dalam konteks fiksyen. Dengan lain perkataan, berdasarkan fakta-fakta ini, beliau mengutarakan satu pandangan ilmiah bahawa persoalan dan aspek-aspek masyarakat memerlukan satu kaedah yang sosiologi dan historis. Kenyataan ini, bertepatan dengan kenyataan Goldmann, bahawa jika sesuatu

persoalan tentang masyarakat dipisahkan dari sejarah, ia akan menjadi satu disiplin yang kabur dan abstrak (Sapardi Djoko Damono, 1979: 43).

Menerusi watak-watak utama dalam tetralogi ini, antaranya Minke, Nvai

Ontosoroh dan Nyai Surati. Pramoedya membuktikan bahawa Indonesia mampu untuk berdiri kukuh dalam semua aspek jika tidak dijajah, golongan bawahan yang merupakan majoriti diberi peluang dalam pelbagai aspek. Hal ini akan melahirkan Minke-Minke yang berwawasan dan mampu memikul aspirasi kelompoknya. Sementara itu, sifat-sifat elit Indonesia seperti Sastro Kassir yang mengutamakan kepentingan peribadi dan terlalu memandang tinggi kolonial Belanda sebagai 'tuan yang serba sempurna' juga harus ditiadakan (Subagio Sastrowardoyo dkk., 1978: 81-83). Sesungguhnya bagi Pramoedya, masyarakat peribumi Indonesia dan mana-mana negara jajahan mampu untuk maju dan berdikari dalam semua aspek jika diberi peluang. Namun, penjajahan telah menafikan peluang-peluang tersebut. Sama seperti Minke dalam tetralogi ini yang berasal dari masyarakat biasa Jawa, telah mampu untuk maju dalam ilmu perubatan dan mampu menghasilkan tulisan-tulisan yang bermutu serta memberi kesan besar kepada kebangkitan nasional di dalam akhbar-akhbar berbahasa Belanda pada waktu itu. Malah, Minke dan beberapa watak seperti Nyai Ontosoroh berjaya melahirkan gagasan tentang emansipasi wanita dengan menentang beberapa adat kolot yang merugikan masyarakat. Antaranya amalan gundik (perempuan simpanan) bagi golongan kaya serta beberapa amalan sosial lain yang merugikan seperti judi dan amalan perhambaan (akibat hutang dan lain-lain).

Gagasan-gagasan baru yang termuat di dalam tetralogi ini dapat dikatakan sebagai perkembangan dan pertambahan dari aspek-aspek kemanusiaan yang dipaparkan dalam Perburuan, Keluarga Gerilya dan lain-lain. Berbeza dengan tetralogi Bumi Mamusia yang dianggap sebagai karya pasca Lekra yang menampilkan fahaman realisme sosialis, fahaman yang mengarah kepada penentangan terhadap kelompok pemerintah dengan menggunakan kuasa rakyat. Biarpun begitu, fahaman ini merupakan interpretasi baru kuasa rakyat dari buruh dan petani berbeza dengan interpretasi Lenin, Stalin dan Mao Tze Tung terhadap gagasan realisme sosialis oleh Marx dan Engels.

Kuasa rakyat dalam perspektif Pramoedya ialah kecenderungan kepada kesatuan rakyat, pemulihan ekonomi, pendidikan dan politik yang memberi peluang yang lebih besar kepada penduduk peribumi (Indonesia) dalam pentadbiran Hindia Belanda dan Orde Lama. Kuasa rakyat ini juga merupakan kesedaran dan ekspresi kelas masyarakat bawahan di Indonesia akibat dari situasi sosial dan ekonomi tertentu yang dihadapi oleh subjek koletif (masyarakat bawahan). Dalam konteks ini, Minke yang terlihat mempunyai sedikit persamaan dengan beberapa watak dalam Max Havelaar karya Douwes Dekker mempunyai kelebihan tersendiri. Ini berbanding dengan watak-watak yang diketengahkan oleh Dekker cenderung bersifat perspektif asing kerana Dekker sendiri adalah berketurunan Belanda sedangkan Minke adalah Jawa yang lebih mengenali bangsanya. (Koh Young Hoon, 1996: 164-165). Dalam hal ini, Minke yang merupakan Pramoedya sendiri tidak hanya memahami pola budaya bangsanya tetapi juga sistem nilai dan epistemologinya.

Untuk memperluaskan wawasan tentang bangsa, Minke secara terang-terangan mengkritik Belanda dalam melaksanakan kebijaksanaannya dan menganjurkan beberapa pendekatan untuk memperkukuhkan bangsa. Antara lain ialah penggunaan bahasa Melayu dan 'membuang' beberapa aspek adat yang merugikan serta boleh menghambat

kemajuan bangsa. Minke misalnya menghasilkan tulisan-tulisan berbahasa Melayu meskipun dia mempunyai pendidikan formal dari sekolah Belanda, Hollandsche Binnnerland School (HBS) yang sepenuhnya menggunakan bahasa pengantar Belanda. Sementara itu, Bahasa Melayu dilihat oleh Minke dapat menyuarakan aspirasi bangsa Indonesia dan dapat mengupas persoalan kepentingan kelompok dengan lebih berkesan. (Koh Young Hoon, 133-135). Bahasa Melayu yang pernah menjadi lingua franca juga sedikit sebanyak akan mengukuh unsur-unsur nasionalisme dan daya saing menghadapi bahasa Belanda yang menjadi alat pentadbiran di Indonesia (Hindia Belanda) pada waktu itu.

Sementara itu, aspek yang paling ketara ialah dari pemahaman Pramoedya yang kukuh terhadap fakta-fakta sejarah Indonesia. Berdasarkan fakta-fakta ini beliau berjaya mengetengahkan beberapa tanggapan baru tentang bangsa Indonesia terutamanya dalam lapangan ekonomi, kemanusiaan dan hak-hak politik. Minke misalnya berjaya mengetengahkan beberapa gagasan yang bernas di dalam tulisan-tulisan yang dimuatkan di dalam akhbar-akhbar berbahasa Belanda di Indonesia dengan memakai nama penanya Max Tollenaar sehingga mendapat sambutan yang begitu luar biasa dari kalangan khalayak pembaca. Menerusi tulisan-tulisan ini, Minke menentang aspek-aspek diskriminasi Belanda terhadap peribumi, memperjuangkan kedudukan kaum wanita peribumi, perluasan sistem pendidikan, kesejahteraan masyarakat dan paling penting ialah penghapusan diskriminasi dalam semua aspek dengan pandangan kelompok yang jelas dan matang (A. Teeuw, 1980: 231). Aspek utama yang juga menjadi perhatian Minke dalam tulisan-tulisannya ialah diskriminasi undang-undang Belanda yang ketara terhadap penduduk-penduduk peribumi. Antaranya, dalam meluluskan perkahwinan

campur (wanita Belanda dan lelaki peribumi) serta peraturan pemilikan tanah oleh rakyat tempatan yang sangat ketat berbanding dengan keturunan asing (Belanda, Cina dan Arab).

Minke dan beberapa watak penting menentang fahaman kuno dalam adat tradisional Jawa yang bersifat negatif dan bertentangan dengan nilai-nilai kemanusiaan seperti gundik, kahwin paksa, perhambaan dan sebagainya yang begitu merugikan seperti nasib yang terjadi kepada Nyai Surati yang dijual oleh bapanya Sastro Kassier kepada kaki perempuan, Plikemboh sebagai imbuhan untuk melunasi segala hutang-piutangnya. Namun, secara tidak langsung, Minke turut menyalahkan pemerintah Belanda yang tidak melaksanakan peraturan secara saksama terhadap amalan menjual, diskriminasi dan penindasan terhadap wanita sehingga golongan ini diletakkan sebagai kelas kedua yang boleh dijual-beli. Beberapa watak seperti Nyai Surati berakhir dengan kematian yang menyedihkan kerana terpaksa menjadi gundik atau perempuan simpanan lelaki-lelaki tertentu sebagai imbalan untuk menjelaskan hutang bapanya yang kalah di meja judi. Ini telah dijelaskan oleh Panda Nababan sebagai pelengkap dari dunia kepengarangan Pramoedya dan penulisan sastera kotemporari Indonesia;

Jika ditinjau dari sudut penulisan sastera, karya-karya Pulau Buru ini merupakan pembaharuan yang pertama kali muncul dalam penulisan di negara ini. Karya-karya ini merupakan pemikiran yang dibina dari fakta sejarah yang digali dengan teliti unti memaparkan pemikirannya...sesuatu yang jarang terjadi dalam perkembangan novel Indonesia. Justeru itu, ia merupakan kejutan kepada penulis-penulis sezamannya yang selama ini lebih bersifat konvensional dengan berpegang kukuh kepada ilusi dan imaginasi. Beliau juga membuka wawasan baru sastera Indonesia yang ketandusan gagasan idealisme mutakhir. Apa lagi menyingkap tema yang begitu jauh di belakang dan memerlukan pemahaman yang kuat. Bagi Pramoedya, dia cukup beruntung untuk memperluas dan mematangkan pemikiran serta menyampaikan "pesanan-pesanannya" yang dirintis dari karya-karya terdahulu (Panda Nababan, 1978, 24).

Dengan menggunakan fakta-fakta seperti ini, Pramoedya telah mencantum pandangan-pandangannya tentang sebab dan akibat kemunduran serta ketinggalan bangsa Indonesia berbanding dengan kuasa Barat (Belanda) dalam semua bidang ketika terjadinya pertembungan dua peradaban Barat dan Timur (Jawa). Aspek realiti dan data-data tertentu tentang tahap pendidikan peribumi dan jumlah celik huruf mereka disentuh secara terperinci meskipun memerlukan proses rekonstruksi yang teliti untuk dianggap sebagai sebuah penulisan sejarah (histriografi), tetapi tetralogi ini telah menepati ciri-ciri fiksyen sejarah (Panda, 1992: 46-47).

Pramoedya turut menggunakan dimensi waktu untuk mengutarakan pemikiran tentang aspek-aspek tertentu terutama persoalan tentang kesedaran kolektif kelompok bawahan, kemanusiaan, politik dan ekonomi. Penggunaan dimensi waktu ini membolehkan khalayak pembacanya dihidangkan dengan karakter-karakter manusia dan realiti zaman pemerintahan Belanda pada awal 1900. Namun begitu, ia tetap mempunyai relevansi dengan zaman Orde Lama dan Orde Baru, hingga secara tidak langsung, pengalaman-pengalaman yang dialami oleh Minke seperti sikap diskriminasi Belanda terhadapnya 'muncul kembali' dalam kehidupan Pramoedya ketika menjadi penghuni pusat tahanan politik di Pulau Buru. Aspek-aspek yang berkaitan dengan perkembangan pendidikan peribumi, tingkat pembelajaran mereka serta perbandingan dengan masyarakat kulit putih dan *Indo* (kacukan Eropah dan peribumi Indonesia) diutarakan menerusi watak Minke dengan jelas dan lancar.

Pemuda kelas menengah Jawa tradisional ini (Minke) digambarkan oleh Pramoedya sebagai hidup dalam dua dunia iaitu Jawa tradisional dan Barat. Dalam hal ini, Pramoedya memperlihatkan Minke sebagai segelintir masyarakat peribumi yang berjaya dan berpeluang mendapat pendidikan moden di sekolah perubatan Belanda di Jakarta. Namun, sebagai penduduk peribumi ia dipandang serong sebagai bangsa yang kolot dan tidak dapat menyesuaikan diri dengan kehidupan Barat dan jika gagal bersaing dengan keturunan Belanda beliau akan dikeluarkan dari sekolah perubatan tersebut seperti ditulis oleh Pramoedya:

Rasanya ada gendang bermain dalam jantungku. Dia sudah tahu sekarang: aku peribumi. Pengusiran setiap saat akan terjadi. Tanpa melihat dapat aku rasai lirikan Robert Suurhof. Hampir-hampir aku tak berani menentang matanya. Adakah dia jijik padaku, sudah tanpa nama dan peribumi pula? (Pramoedya Ananta Toer, 1981: 12).

Biarpun begitu, Minke telah membuktikan hal yang sebaliknya. Beliau menggunakan kedudukannya sebagai penuntut dan orang yang dekat dengan golongan birokrat Belanda untuk mengkritik mereka dengan maksud membela masyarakat peribumi. Minke misalnya menyarankan perlunya beberapa pembaharuan dalam pemikiran budaya dan asas pendidikan mereka agar ia dapat diadaptasikan dengan peradaban barat yang sedang berkembang di Indonesia ketika itu dengan merenungi kembali sejarah Indonesia dan kejayaan yang dicapai oleh bangsa peribumi di zaman lampau, misalnya terdirinya kerajaan-kerajaan agung, pembinaan candi-candi untuk tujuan ritual yang mengkagumkan dan sebagainya. Selain itu, Minke turut menjadi jambatan penghubung kepada dua kerangka pemikiran iaitu, Barat dan Timur. Namun, ia tidak dapat dikatakan pemikiran sepenuhnya Barat atau sebaliknya. Dua pemahaman ini diperlihatkan oleh Pramoedya secara simbolik menerusi sikapnya yang tetap menyanyangi ibunya dan juga Nyai (ibu mertuanya) seorang wanita yang berfahaman Eropah (Belanda) kerana bersuamikan seorang lelaki Belanda. Daripada kedua-duanya beliau mempelajari tentang nilai-nilai Jawa dan Eropah sehingga pemikiran ini menjadi acuan kepada gagasan baru tentang bangsa Indonesia.

Menerusi watak-watak Minke dan Nyai Ontosoroh, Pramoedya mengutarakan keyakinannya kepada pembacanya bahawa bangsa Indonesia juga mampu setaraf dengan orang-orang Belanda jika mereka diberi peluang tanpa diskriminasi. Mereka seharusnya juga turut diberi pelung untuk sama-sama mendapat peluang pendidikan moden, peluang mendapat tempat dalam pentadbiran, ekonomi dan sebagainya. Dalam hal ini, Nyai Ontosoroh dan Nyai Sunarti misalnya digambarkan sebagai wanita yang terus menerus berusaha membaiki nasib diri dan membebaskan kehidupan sebagai perempuan simpanan pembesar Belanda serta beberapa fahaman tradisional Jawa yang membolehkan seseorang wanita menjadi gundik kepada elit birokrat mahupun elit ekonomi (Mochtar Lubis, 1973: VIII).

Sementara itu, berdasarkan konsep realisme sosialis yang melandasi kebanyakan karya-karyanya pada era pasca Lekra, tetralogi Bumi Manusia sangat menekankan imej pembelaan terhadap masyarakat peribumi dari kelas bawahan berdasarkan satu kesedaran bersama. Ditinjau dari realiti sosial, rata-rata masyarakat Indonesia ini hanya terdiri dari golongan bawahan yang terdiri dari petani dan buruh-buruh ladang yang bekerja di perkebunan tebu milik Belanda dan tuan-tuan tanah Cina. Hanya segelintir sahaja yang berkerja sebagai pegawai-pegawai dalam pentadbiran Belanda menjadi pegawai-pegawai peribumi yang tentunya masih menjadi kelas kedua di belakang pegawai-pegawai berketurunan Belanda. Jurang sosial, ekonomi dan politik ini muncul kerana kebijaksanaan kolonialisme dan feudalisme serta sikap Belanda yang memberi perhatian yang berlebihan terhadap pembangunan di kota-kota besar seperti Betavia (Jakarta), Surabaya, Bandung dan Semarang sahaja (Savitri Prastiti Scherer, 1981: 83-85).

Tidak dinafikan penyataan-penyataan seperti ini, membuktikan beberapa ciri pandangan Marxisme telah diserapkan oleh Pramoedya ke dalam karya-karyanya sehingga seolah-olah beliau seolah-olah meletakkan karya-karya sebagai lambang kepada pertentangan dua kelas dalam masyarakat Indonesia. Pertembungan ini diperlihatkan menerusi watak iaitu Nyai dan Minke mewakili proletarian dan watak-watak seperti Pikemboh, Sasrtro Kasier dan lain-lain mewakili kelas atas. Imej kesedaran kelas dan tingkah laku kelompok bawahan tersebut merangkumi protes terhadap pemerintah Hindia Belanda yang gagal memberi hak-hak yang sewajarnya kepada penduduk peribumi dalam bidang ekonomi (pampasan tanah yang diambil untuk perlaksanaan Sistem Tanam Paksa), pendidikan dan perlaksanaan perundangan. Di sini, Pramoedya meletakkan karya-karya ini sebagai ungkapan kelas sosial, dan bukannya ungkapan diri pengarang sepertimana pendapat Goldmann yang melihat sesebuah karya sastera merupakan paparan dari kesedaran kolektif sesebuah kelompok (golongan bawahan).

Imej penentangan kelas yang menyuarakan kepentingan kelompok secara psikologi ini banyak diutarakan menerusi Minke yang menentang pandangan orang-orang Belanda bahawa masyarakat peribumi merupakan masyarakat yang bodoh, pemalas dan tidak mampu untuk berdiri sendiri tanpa bimbingan dari Barat (Belanda) sebagai satu pandangan kelompok penjajah terhadap bangsa Indonesia yang dijajahnya. Minke telah mengkritik pandangan-pandangan ini menerusi tulisan-tulisannya yang bernas dan bermutu yang dimuatkan di akhbar tempatan berbahasa Belanda di Indonesia.

Menurut peneliti sastera Indonesia kotemporari, Yusuf Abdullah Puar, penyataan tulisan-tulisan Minke di dalam akhbar ini merujuk kepada pembacaan Pramoedya terhadap tulisan-tulisan beberapa tokoh pergerakan nasional Indonesia seperti Agus

Salim, Abdul Muis dan Haji Omar Said Tiokroaminoto vang mengkritik kebijaksanaan pemerintah Hindia Belanda terhadap peribumi terutama kemanusiaannya yang banyak tersiar dalam beberapa penerbitan pada awal tahun 1900. Dalam hal ini, akhbar menjadi sarana utama kepada idea-idea penyatuan bangsa Indonesia oleh tokoh-tokoh tersebut tanpa mendapat tekanan ketara dari pemerintah Belanda kerana sebahagian besar tulisantulisan lebih bersifat gesaan terhadap pendidikan, peningkatan taraf hidup peribumi dan lain-lain yang tidak bertentangan dengan perlaksanaan perundangan Belanda (Yusuf Abdullah Puar, 1981: 67-68). Namun, tidak sedikit muncul tulisan-tulisan radikal oleh pemimpin-pemimpin seperti Soekarno, Hatta, Sutan Siahrir dan lain-lain vang mengambil peluang dari kebebasan akhbar tersebut untuk mengkritik pelbagai kebijaksanaan Belanda berhubung dengan pentadbirannya di Indonesia pada waktu itu. Tokoh-tokoh ini secara tidak langsung begitu banyak persamaan dengan watak Minke yang menggunakan ketajaman penanya untuk mengkritik Belanda, menyangsikan kebenaran ilmu Eropah, mengkritik perundangan Barat dan sebagainya (Yusuf Abdullah Puar, 67).

Perjuangan dan Kritikan Terhadap Kolonialisme

Peranan yang dimainkan oleh Minke dan pelbagai watak antagonis serta protagonis dan tetralogi Bumi Manusia, Pramoedya berjaya mengutarakan pandangan-pandangan realisme sosialis yang dibangunkan di atas kerangka kesatuan pemikiran Marxisme dan akar budaya masyarakat Indonesia. Dengan berpandukan kepada fakta-fakta sejarah untuk membangun ketiga-ketiga novel ini dan diadunkan dengan pengalaman sebagai tahanan politik Pulau Buru, Pramoedya mengutarakan pelbagai

aspirasi dan ekspresi kelompok golongan bawahan di Indonesia. Menerusi dialog Minke, Nyai Surati, Nyai Ontosoroh dan lain-lain, beliau menyatakan beberapa keinginan golongan ini, khususnya terhadap kebebasan, kesejahteraan dan pemulihan ekonomi serta penolakan terhadap beberapa budaya negatif dalam masyarakat Jawa. Dalam hal ini beliau meletakkan kesalahan pokok pada kolonialisme yang menyebabkan struktur politik, ekonomi, budaya dan kemasyarakatan gagal berfungsi dengan sewajarnya. Menurut pengkaji sastera kotemporari Indonesia, S.I Poeradisastera, secara tidak langsung, Pramoedya mengutarakan ajaran-ajaran pokok Marxisme yang sama sekali menolak fasisme, iaitu Belanda. Namun, ajaran-ajaran Marxisme tersebut hanya acuan dan kerangka pemikiran sahaja manakala intinya adalah kesedaran tentang kepentingan masyarakat bawahan yang menaunginya (S.I Poeradisastera, 1980: 43). Paparan seperti ini, sudah pasti bersesuaian dengan pandangan Goldmann, bahawa sesebuah karya sastera, khususnya novel lahir dari sebuah situasi sosial dan ekonomi tertentu yang dihadapi oleh subjek kolektifnya, iaitu kelompok masyarakat yang diwakilinya.

Selain itu, aspek-aspek kesedaran yang dinyatakan oleh Pramoedya menerusi Minke dan isterinya Kasiruta juga selari dengan pandangan Goldmann yang berpendapat sesebuah karya sastera merupakan keinginan kelas sosial bawahan mencapai cita-cita mereka, iaitu kesejahteraan dan kemakmuran yang lebih baik. Sesebuah karya sastera juga merupakan kesepakatan sosial yang meletakkan kepentingan mereka pada tahap tertinggi dan perlu diperjuangkan dan diterima sebagai peraturan sosial yang tidak boleh dilanggar begitu sahaja. Oleh itu, aspek-aspek yang boleh menjadi hambatan kepada citacita ini seperti kebijaksanaan birokrasi peribumi, amalan kuno khususnya gundik dan

perhambaan yang begitu meluas di Jawa beberapa amalan kehidupan negatif lain harus ditentang oleh golongan bawahan (Ajib Rosidi, 1969: 44-47).

Dalam konteks ini, Pramoedya merasakan betapa pentingnya para intelektual peribumi untuk mendalami ilmu-ilmu moden dari Barat untuk membolehkan aspirasi dan kepentingan kelompok bawahan tercapai. Mereka tidak boleh hanya bergantung kepada kekuatan fizikal sahaja tetapi juga mental dan kekuatan keilmuan. Hal ini telah dijelaskan oleh Pramoedya;

Kalau Tuan mempelajari sejarah Jawa, terlalu sedikit pemimpin-pemimpin itu yang mati di medan perang kerana membela pendirian filsafatnya. Semua goyah, menyerah kepada Belanda, dan dengan demikian juga mengakui keunggulan Eropah, filsafat Eropah, bukan hanya ilmu dan pengentahuannya...Dan orang-orang seperti Surapati tidak kunjung muncul datang. Surapati adalah satu-satunya (Pramoedya Ananta Toer. 1981: 306).

Imej-imej baru yang diutarakan di dalam tetralogi ini, secara langsung memperlihatkan Pramoedya cuba menghubungkan struktur sosial dengan struktur karya membentuk satu pandangan dunia kelompok. Pandangan-pandangan seperti ini secara tidak langsung menjadi salah satu ciri pembaharuan dalam dunia kepengarangannya, khususnya aspek kemasyarakatan dan kepentingan satu kelas sosial yang dilihat dari perspektif sosio-budaya dan politik.

Dari aspek sosio budaya misalnya, menerusi Minke juga Pramoedya mengesa penolakan terhadap beberapa elemen adat tradisional serta fahaman kuno yang membelenggu kehidupan masyarakat. Fahaman kuno yang 'ditolak' oleh realisme sosialisnya bukan sahaja merangkumi amalan budaya tradisi yang merugikan (gundik dan kerja paksa untuk pemberi hutang) tetapi juga sistem birokrat tradisional yang diwujudkan menerusi wedana, bupati, priyayi serta pamongpraja (jawatan-jawatan pembesar peribumi yang diwujudkan oleh Belanda, mewakili peringkat daerah, mukim

dan kampung). Kelompok-kelompok pembesar inilah yang dilihat oleh Pramoedya memegang kukuh beberapa fahaman tradisional yang menghambat kepada kemajuan dan keadilan masyarakat. Mereka sering menggunakan kedudukannya untuk memaksa penduduk kampung melakukan kerja paksa (membuat jalan dan sistem saliran) dengan tujuan meraih pangkat yang lebih tinggi dari Belanda.

Dalam perkembangan sejarah Indonesia, golongan birokrat inilah yang digunapakai oleh pemerintah Hindia Belanda untuk menguatkan cengkaman ke atas penduduk-penduduk peribumi perlaksanaan pelbagai program ekonomi seperti Sistem Tanam Paksa dan Dasar Liberal. Malah, Belanda selama pemerintahannya di Indonesia berusaha untuk mengekalkan sistem birokrasi tradisional ini dengan memberikan pendidikan yang lebih moden kepada keluarga para elit tradisional ini, sebagai persiapan untuk mewujudkan mata rantai yang berkepentingan kepada pemerintahan Belanda (Heather Sutherland, 1984: 59-60).

Menerusi Minke dan Nyai Ontosoroh, Mysaroh dan lain-lain yang mewakili wawasan baru manusia Jawa dan Indonesia, Pramoedya menghidupkan idealismenya tentang kemanusiaan, kesejahteraan, kebebasan dan hak-hak yang sama antara peribumi, elit tradisional dan pemerintah kolonial. Watak Nyai Ontosoroh dan Nyai Surati dan Minke merupakan manusia-manusia Indonesia yang cuba mengubah sistem yang sedia ada di Indonesia dalam konteks pertembungan antara masyarakat peribumi dan kolonial. Mereka menolak diskriminasi pendidikan, memperjuangkan hak-hak kehakiman yang wajar kepada penduduk peribumi dan sebagainya. Selain itu, aspek yang turut diperjuangkan oleh Minke ialah kemudahan kesihatan yang lebih baik terutama di kawasan-kawasan luar bandar di Jawa bagi menangani pelbagai penyakit berjangkit

seperti cacar di Jawa yang meragut ribuan nyawa pada 1850-an. Hal ini digambarkan dengan kematian Nyai Surati akibat dijangkiti penyakit tersebut oleh Pramoedya dalam Bumi Manusia;

Anak itu mengejar sebentar, cepat menghembus nafas penghabisannya. Surati tidak tahu siapa namanya. Ia tak pernah menyaksikan orang sekarat....Mengapa orang takut padanya? Dan kalau cacar ini memasuki badan, dan maut pun datang... tidak ia tidak gentar. Ribuan orang di Jawa ini juga meninggal kerana cacar! (hal. 148).

Sementara itu, Pramoedya turut menyuarakan pertentangan antara kehidupan kelas sosial bawahan dengan kelas sosial atasan terhadap sikap golongan elit ekonomi di Jawa yang menggunakan kedudukan kewangan mereka untuk mendapatkan gadis-gadis belasan tahun bagi memenuhi nafsu mereka. Nyai Ontosoroh misalnya yang dijual oleh ayahnya, Sanikem Sastrotomo ketika berusia 14 tahun kepada pengurus kilang gula Tulangan dengan tujuan untuk mendapat kedudukan yang lebih baik di syarikat tersebut . Begitu juga Sastro Kasir (anak Sastrotomo) yang menjual anaknya Nyai Surati kepada ketua kilang gula tempatnya bekerja bernama Pikemboh, seorang pemabuk dan kaki perempuan untuk mempertahankan kedudukannya di kilang tersebut. Ini kerana wang kilang yang diuruskan oleh Sastro Kassier didapati hilang. Bimbang kehilangan pekerjaannya, dia mengambil keputusan untuk menjual Surati kepada Pikemboh yang telah lama ingin meniadi gadis tersebut sebagai gundiknya (Pramoedya, 1980: 148). Untuk mempertahankan kesuciannya, Surati telah menjangkitkan dirinya dengan penyakit cacar dengan cara memasuki sebuah kampung yang diserang wabak cacar sehingga membawa kepada kematiannya.

Kematian Surati bagi Pramoedya merupakan perjuangan kelompok dan pertentangan dua kelas sosial dalam masyarakat Jawa era tersebut. Kematian Nyai Surati dalam hal ini merupakan kemenangan moral golongan bawahan dalam menyuarakan pandangan dunia serta kesedaran kelas yang diwakilinya. Plikemboh pula mewakili kelas yang berkuasa yang sentiasa cuba menekan kelompok bawahan demi kepentingan peribadi dan kelompok mereka. Hal ini bertepatan dengan pendapat Goldmann, bahawa kemelaratan dan kesengsaraan yang dialami oleh kelas bawahan akan memunculkan satu kesedaran kolektif mereka.

Pramoedya juga turut menampilkan watak 'sekelas' dengan Plikemboh, iaitu Sastro Kassier. Dalam hal ini, Sastro Kassier digambarkan watak kontra yang telah kehilangan rasa kemanusiaannya kerana rela menjual anak gadisnya hanya untuk tujuan peribadi. Justeru itu, kematian Surati merupakan kemenangan besar masyarakat bawahan dari perspektif Pramoedya seperti yang termuat di dalam *Bumi Manusia*. Kemenangan ini dikuatkan lagi oleh argumentasi-argumentasi kemanusiaan yang diketengahkan oleh watak Minke dalam tulisan-tulisannya;

Tulisan tuan, berseru-berseru kepada kemanusiaan, menolak kebiadaban, kecurangan, fitnah dan kelemahan. Tuan mengimpikan manusia-manusia yang kuat juga watak kemanusiaannya. Memang, Tuan, hanya setiap orang menjadi kuat seperti itu, baru ada persahabatan sejati. Tuan betul-betul anak Revolusi Perancis. Selama Tuan tetap mempertahankan ciri-ciri peribadi ini. Ciri tentang kemanusiaan sejagat... (Pramoedya, 175).

Peristiwa kematian Nyai Surati akibat dijangkiti penyakit cacar tersebut diangkat oleh Pramoedya berdasarkan fakta-fakta sejarah yang terperinci mengenai laporan-lapaoran dan data-data penyakit cacar yang pernah menjadi masalah utama di Jawa serta beberapa bahagian kepulauan Indonesia pada tahun-awal 1850-an hingga menjadi isu terpenting di Dewan Rakyat Belanda, Tweede Kamer di Amsterdam.

Keadaan ini memaksa pemerintah kolonial Belanda mengeluarkan jutaan guilden untuk membasmikan penyakit yang telah mengorbankan ribuan penduduk Jawa. Masalah tersebut selesai pada awal 1910-an. Namun, bagi Pramoedya dan beberapa penganut humanisme Eropah pada waktu itu, seperti Multatuli ialah cara menangani penyakit cacar oleh Belanda yang kadang-kadang bertentangan dengan prinsip kemanusiaan seperti membakar kampung-kampung yang terlalu teruk dilanda wabak tersebut, seperti yang terjadi di Tulangan, Jawa pada 1879. Dalam peristiwa ini, Belanda telah menghalau semua penduduknya keluar, dan desa mereka dibakar, dengan alasan untuk memusnahkan wabak tersebut (Pramoedya Ananta Toer, 1980: 162).

Peristiwa pembakaran Tulangan ini, ditafsirkan oleh Pramoedya sebagai mempunyai tujuan tertentu oleh Belandá. Ini kerana setelah peristiwa tersebut, beberapa bahagian desa tersebut telah diambil alih untuk dijadikan kawasan perkebunan tebu milik kerajaan. Minke yang berkunjung ke desa tersebut, akhirnya menemukan bukti baru, bahawa keengganan Trunodongso dan beberapa petani menyewakan tanah kepada Belanda dengan kadar sewa yang sangat rendah di Tulangan untuk dijadikan perkebunan tebu dan kilang gula telah menyebabkan desa tersebut dibakar dengan alasan untuk menghapuskan wabak cacar. Sebagai penulis, Minke telah mengutarakan kepincangan-kepincangan sosial dan kesedaran kolektif para petani dan penduduk bawahan di Tulangan dan beberapa daerah di Jawa dalam akhbar di Hindia Belanda yang akhirnya menimbulkan tindak balas yang begitu hangat (Pramoedya, 1980: 163)

Walaupun gagal mendapat kerjasama dari para petani termasuk watak Trunodongso sendiri yang beranggapan Minke sebagai salah seorang *priyayi* yang mempunyai kepentingan tertentu dalam kilang gula tersebut, beliau tetap meneruskan usaha mendekatinya untuk mendapat gambaran sebenar tentang kes tersebut bagi menjadi bahan tulisannya. Ini kerana sikap yang diamalkan oleh Belanda untuk mendapatkan tanah-tanah penduduk untuk dijadikan perkebunan tebu mahupun kilang gula dengan cara

kekerasan mahupun kolektif telah menimbulkan kecurigaan dan kemarahan para petani. Minke akhirnya berjaya mendekati Trunodongso dan para petani tersebut dan memperolehi gambaran sebenar peristiwa pembakaran tersebut. Semua usaha yang dibuat oleh Minke tersebut adalah semata-mata kerana tanggungjawab kemanusiaan yang begitu mendalam dalam ketika melihat masyarakat peribumi tertindas oleh kolonial dan kepentingan-kepentingan ekonomi mereka.

Bagi Minke, sebagai seorang penulis, tindak balas yang meluas dari segenap lapisan masyarakat, khususnya para pèmbesar Belanda merupakan kemenangan para petani masyarakat bawahan di Hindia Belanda. Kemenangan ini diumpamakan oleh Minke sebagai penemuan sebuah benua baru yang akan dikembangkan menjadi gagasan untuk perjuangan seterusnya membela kepentingan kelompok masyarakat bawahan yang melingkungi hidupnya (Pramoedya Ananta Toer, 1980: 162). Kemenangan secara psikologis ini, secara tidak langsung memperlihatkan Pramoedya menerusi Minke sama sekali menolak jalan kekerasan dalam mempertahankan hak masing-masing. Beliau mempertahankan kekerasan bukanlah jalan terbaik menyelesaikan sesuatu masalah. Persoalan ini ditegaskan oleh Pramoedya dalam peristiwa kecederaan serius Trunodongso dalam rusuhan menentang pemerintah Belanda yang meneruskan usaha mendapatkan tanah-tanah para petani untuk perkebunan tebu dan mendirikan kilang gula (Pramoedya Ananta Toer, 1985: 426-427).

Minke juga misalnya menjadi sangat kecewa dan gelisah apabila isterinya Kasiruta menembak mati orang-orang yang cuba membunuhnya (Minke). Kekecewaan terhadap peristiwa tersebut yang dianggap sama sekali bertentangan dengan prinsipprinsip kemanusiaan. Meskipun dianggap sebagai priyayi baru dalam struktur sosial Jawa, Minke tetap berpegang kepada amalan masyarakat Jawa, bahawa jalan terbaik menghadapi kekerasan ialah kelembutan. Kematian para pembunuh di tangan isterinya Kasiruta, memperlihatkan manusia begitu mudah melupakan persoalan manusia dan kemanusiaan hanya semata-mata mempertahankan hak sedangkan masih ada jalan penyelesaian lain yang mungkin boleh dijadikan alternatif (Pramoedya Ananta Toer, 1985; 438-439).

Sementara itu persoalan lain yang turut diutarakan ialah aspek yang menyentuh keadilan sistem kehakiman pemerintah kolonial Belanda kepada penduduk peribumi. Kesedaran kelompok ini diperlihatkan menerusi konflik pengadilan Hindia Belanda yang mempersoalkan kedudukan seorang peribumi (Minke) yang mempunyai ikatan perkahwinan dengan Annelies (Kasiruta), seorang gadis kacukan Belanda-Indonesia. Oleh kerana perbezaan keturunan dan kedudukan, pengadilan (mahkamah) di Amsterdam memutuskan hubungan tersebut tidak sah dan bertentangan dengan perlembagaan yang ditetapkan, iaitu perkahwinan seorang lelaki peribumi dengan wanita Belanda dilarang dalam perundangan tetapi sebaliknya dibolehkan jika wanita peribumi berkahwin dengan lelaki Belanda. Perkahwinannya dengan Annelies dinyatakan oleh mahkamah sebagai batal dan Minke kamudiannya dipecat dari sekolah Belanda dengan alasan melanggar peraturan pendidikan dan pelembagaan negara.

Keputusan mahkamah ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati yang begitu mendalam di kalangan teman-teman Minke seperti Kommer, Nijman dan golongan ulama yang berpendapat ia merupakan satu penghinaan terhadap kesucian Islam yang telah mengesahkan perkahwinan Minke-Annelies. Mereka menggesa keputusan yang dibuat oleh mahkamah tersebut ditarik balik dan memberi peluang kepada Minke untuk

meneruskan kembali persekolahannya. Di sisi lain, keputusan mahkamah ini sangat berbeza dengan 'peraturan' tidak bertulis dalam masyarakat Belanda di Indonesia ketika itu. Mereka mempunyai kebebasan untuk memilih perempuan peribumi sebagai gundik mereka. Sebagai contoh, Tuan Mellema, seorang pembesar Belanda di Bogor telah mengambil Nyai Ontosoroh sebagai gundiknya sehingga melahir beberapa orang anak termasuk Annelies (Pramoedya, 1980: 278).

Dalam hal ini, beberapa aspek sosial telah diutarakan oleh Pramoedya. Pertama; kolonialisme telah membentuk hirarki masyarakat dalam satu sistem sosial yang tidak boleh diubah. Masyarakat peribumi tetap menjadi golongan kelas ketiga selepas bangsa Eropah (Belanda) dan keturunan Eropah dan peribumi. Dengan lain perkataan, masyarakat peribumi tidak mempunyai hak untuk mempertikaikan kedudukan mereka daslam sistem perundangan di Hindia Belanda. Pengadilan Hindia Belanda misalnya telah memutuskan semua harta milik Nyai Ontosoroh dirampas dan Annelies dihantar ke Belanda sehingga Nyai menjadi seorang yang sangat miskin dan separuh gila.

Kedua; pengadilan Belanda telah melanggar hak-hak kebebasan manusia lain dan hanya mementingkan kedudukan sebuah kelompok sahaja iaitu elit birokrasi dan masyarakat keturunan Belanda. Menurut sarjana sastera Indonesia, Rahmat Djoko Pradopo, persoalan kebebasan yang disuarakan menerusi Minke dan Nyai Ontosoroh terhadap pengadilan Belanda sangat berhubung erat dengan pemahaman faham humanisme Eropah yang dikembangkan oleh Multatuli yang terlalu sedikit difahami di Hindia Belanda. Namun, Pramoedya yang telah membaca dan begitu memahami aspekaspek humanisme Eropah yang diketengahkan di dalam novel Max Havelaar dan pemahaman mendalam tentang sejarah era tersebut sehingga berjaya menggabungkan

dalam kerangka yang menjadi dasar kepada penulisan novel ini. Meskipun dasar utama politik Etis yang memberi peluang yang lebih besar kepada masyarakat peribumi dalam bidang pendidikan, politik dan ekonomi tetapi ia hanya bersifat teori semata-mata. Dalam erti kata lain, gesaan Parti Kristian Belanda dalam Dewan Rakyat Belanda (*Tweede Kamer*) untuk memulihkan kesejahteraan masyarakat Indonesia hanya bersifat teori kerana terjadinya penyelewengan dan penyalahgunaan oleh pegawai-pegawai Belanda di Indonesia. Ini menyebabkan era tersebut merupakan kesinambungan dari zaman Sistem Tanam Paksa (1800-1860) dan Politik Liberal (1860-1900) yang mengamalkan sikap diskriminasi terhadap masyarakat peribumi (Robert van Neil, 78-79).

Pramoedya dalam tetralogi *Bumi Manusia* melihat permasalahan yang dihadapi oleh watak-watak utama seperti Minke dan Annelis adalah kenyataan dari keadaan yang terjadi di Indonesia waktu itu. Meskipun Belanda melontar gagasan kemakmuran masyarakat peribumi, pada kenyataannya ia hanya hanya diraih oleh segelintir masyarakat sahaja, khususnya para pembesar peribumi (*priyayi dan pamong praja*) serta pegawai-pegawai Eropah serta pedagang-pedagang berketurunan Cina sahaja. Belanda juga sangat menghadkan penubuhan parti-parti politik. Mereka hanya dibenarkan membentuk persatuan-persatuan yang berorientasikan kebudayaan, pendidikan dan agama sahaja seperti Budi Utomo, Taman Siswa serta Sarekat Dagang Islam (Ki Hadjar Dewantara, 1978; 11-14)

Pemahaman yang mendalam terhadap sejarah ini yang mendorong kepada paparan-paparan kesedaran kolektif masyarakat bawahan oleh Pramoedya. Menerusi watak-watak antagonis dan protagonis seperti Minke, Pikembuh dan lain-lain, beliau meletakkan persoalan-persoalan dan permasalahan-permasalahan masyarakat bawahan ke dalam prosa yang menarik dan padat dengan kemanusiaan. Selain itu, Pramoedya juga cuba mengangkat persoalan masyarakat bawahan yang diabaikan oleh ketika pemerintahan Belanda (Rahmat Djoko Pradopo, 1981: 11).

la juga dapat dianggap sebagai manifestasi dari alam penjara di Pulau Buru dan suasana kehidupan bersama tahanan-tahanan politik lain yang begitu menderita kerana kekurangan makanan, perubatan serta keadaan cuacanya yang buruk (Dicerita secara terperinci oleh Pramoedya dalam karya bukan fiksyennya, *Nyanyi Sunyi Seorang Bisu* yang diterbitkan pada 1989).

Dengan berpandukan kepada pemahaman yang kukuh terhadap tulisan-tulisan dan wacana humanisme Eropah serta sejarah, menerusi tetralogi ini, beliau berjaya mengangkat aspek kemasyarakatan dan kepentingan kelas yang turut diperlihatkan dalam acuan faham feminisme. Dengan lain perkataan, beberapa aspek yang justeru menjadi elemen utama penulisan novel ini ialah citra wanita Indonesia (Jawa) yang 'diketepikan' oleh faham feudalisme dan adat budaya tradisional. Antara lain, wanita sering dilihat sebagai masyarakat kelas kedua dalam hirarki sosial dan sekadar menjadi gundik, orang suruhan, pengasuh-pengasuh di kraton dan tidak lebih dari persekitran rumah tangga.

Menurut Marcel Beding, ahli antropologi Indonesia yang banyak meneliti tentang kedudukan wanita-wanita Jawa pada era kolonial, pengalaman melihat ibunya yang menderita zahir dan batin akibat ditinggalkan oleh bapanya sewaktu kecil di kota tandus Blora memberi kesan yang begitu mendalam dalam jiwa Pramoedya untuk membela kaum wanita. Selain itu, tetralogi Bumi Manusia ini merupakan lambang dari kesedaran kolektif dan pandangan dunia wanita-wanita Indonesia umumnya dan Jawa khususnya

dalam meneruskan kesinambungan perjuangan tokoh wanita Jawa, Raden Adjeng Kartini (Marcel Bending, 1969: 3-4). Kekaguman terhadap emansipasi wanita yang dibawa oleh Kartini inilah salah satu faktor yang mendorong kepada kelahiran novel *Panggil Aku Kartini Sadja* iilid I dan II yang diterbitkan oleh Hasta Mitra pada 1988.

Di samping itu, Pramoedya yang telah dididik untuk menghargai nilai kemasyarakatan dan beberapa etika budaya, kesusasteraan serta sejarah Jawa oleh bapanya M. Toer yang terpancar dari beberapa kerajaan Jawa seperti Majapahit, Singasari dan kamudiannya Mataram, khususnya dari aspek peranan wanita terutama isteri raja dan para elit birokrasinya. Sejak kecil beliau begitu mengagumi Ken Dedes, permaisuri Ken Aruk dari kerajaan Singasari yang begitu teguh kesetiaannya kepada suami dan berjaya melahirkan beberapa putera untuk meneruskan dinasti Ken Aruk di kerajaan tersebut sehingga kejatuhannya pada abad ke-11 Masehi.

Pemahaman serta kekaguman tentang wanita inilah yang banyak mempengaruhi faham kemasyarakatan dalam tetralogi ini diutarakan menerusi watak Nyai dan Minke sendiri. Sebagai contoh, Nyai Surati, berjaya menebus maruahnya dengan menentang perbuatan ayahnya Sastro Kassier biarpun terpaksa menggadainya nyawanya dengan menjangkiti dirinya dengan penyakit cacar. Meskipun ia berakhir dengan kematian, tetapi bagi Pramoedya, ia merupakan kemenangan kemanusiaan yang sangat bernilai. Malah, beliau telah memperlihatkan watak Soendari dalam novel Rumah Kaca yang diilhamkan dari pergerakan pendidikan untuk wanita oleh Raden Adjeng Kartini sebagai wanita yang benar-benar gigih memperjuangkan nasib golongan mereka dari belenggu adat dan fahaman negatif masyarakat tanpa mengira keturunan dan kepercayaan. Paparan wanita ini, merupakan perbezaan yang paling ketara berbanding dengan karya-karya prosanya

sebelum Lekra. Dengan lain perkataan, aspek kemanusiaan yang dibicarakan lebih luas, dengan tidak lagi hanya memberi tumpuan kepada persoalan kemerdekaan dan perjuangan serta semangat nasionalisme tetapi juga melibatkan isu-isu pendidikan peribumi, wanita serta persoalan budaya.

Dalam memperkatakan karya-karya Pramoedya pasca Lekra ini, tetralogi *Bumi Manusia* ini kamudiannya menjadi tonggak penting ke arah lahirnya prosa-prosa yang bukan hanya menyoroti aspek kemasyarakatan dan kesedaran kolektif tetapi juga mengarah kepada politik, ekonomi dan persoalan Indonesia merdeka seperti *Sang Pemoela* (1985), *Tempoe Doeloe* (1982) dan *Gadis Pantai* (1987).

Penelitian dan pemahaman yang mendalam terhadap dilektikal sejarah Indonesia mendorong Pramoedya menyuarakan satu pandangan baru tentang kesedaran dan aspirasi golongan bawahan di Indonesia. Pembaharuan secara langsung meletakkan tetralogi *Bumi Manusia*, iaitu *Rumah Kaca* berbeza dengan karya-karya sebelumnya dari segi sumber penulisan kerana tulisan-tulisan sebelumnya lebih bersifat pengalaman langsung Pramoedya sebagai saksi zaman. Dalam hal ini, ternyata tetralogi *Bumi Manusia* merupakan sebuah hasil dari tingkah laku sosial yang pernah wujud pada zaman pemerintahan kolonial Belanda yang merangkumi masa kejadian dari tahun 1898 hingga 1918 iaitu satu era yang dipanggil era kebangkitan nasional Indonesia. Dengan lain perkataan, watak-watak seperti Minke, Annelis, Nyai Ontosoroh dan sebagainya adalah watak-watak yang mengisi era ini. Belanda adalah satu lagi kelompok yang cuba menentang kemunculan aspirasi politik bangsa Indonesia dengan melaksanakan pelbagai politik liciknya seperti diskriminasi dalam bidang pendidikan.

Era Kebangkitan Nasional dari sudut sastera merupakan masa yang hampir tidak pernah disentuh dalam sastera Indonesia dan dijadikan sumber penulisan. Hal inilah yang cuba diterokai oleh Pramoedya menerusi tetralogi Bumi Manusia yang cuba menghubungkan struktur sosial dengan struktur karya untuk menyuarakan pandangan dunia kelompok bawahan di negara tersebut. Secara tidak langsung dalam penyataan tentang pandangan dunia serta kesedaran kolektif kelompok tersebut, Pramoedya memperlihatkan pertentangan dua kelas di Indonesia pada era ini, iaitu kelas yang memerintah dan masyarakat bawahan: Gambaran-gambaran pertentangan dua kelas masyarakat di Indonesia pada era kolonial ini kemudiannya diteruskan ke dalam novelnovel perangnya yang merangkumi zaman Pendudukan Jepun dan Revolusi. Namun, kesedaran kolektif ini dilihat dalam wacana yang berbeza. Dalam erti kata lain, pertentangan dua kelompok yang diutarakan menerusi karya zaman perang terbaiknya iaitu Perburuan dan Keluarga Gerilya dilihat dalam konteks yang berbeza dari aspek latar, tema dan suasana pertentangan itu terjadi, iaitu suasana perang.